

05/11/1999

Temu duga terbuka DPM

KEMENTERIAN Pendidikan akan mengadakan temu duga terbuka (walk-in interview) untuk pengambilan calon program Diploma Perguruan Malaysia (DPM) bagi opsyen Bahasa Cina, mulai tahun depan.

Sehubungan itu, Bahagian Pendidikan Guru akan membuka pusat temuduga berkenaan di setiap negeri.

Selain itu, syarat kelayakan kemasukan untuk calon dalam opsyen Bahasa Cina juga dilonggarkan dengan penurunan cut-off point Ujian Kelayakan Latihan Perguruan (UKELP).

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata langkah itu adalah antara usaha kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan kira-kira 3,000 guru mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah seluruh negara.

Beliau berkata, punca utama masalah berkenaan ialah kekurangan calon yang berminat untuk bertugas sebagai guru mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah, tetapi kementerian akan berusaha meningkatkan pengambilan sebanyak mungkin.

"Justeru, pelaksanaan temu duga di setiap negeri boleh menjadi langkah memberi perkhabaran dan peluang lebih luas kepada calon," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian serta ucap utama oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Seminar Pendidikan Guru-guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina (C) Malaysia di Sungai Besi, semalam.

(END)